

**Parlimen: KPT Iktiraf 820 Institusi Pengajian Tinggi China
Bernama
28 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Sebanyak 820 institusi pengajian tinggi (IPT) China telah diiktiraf Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sehingga kini, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Khamis.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Hou Kok Chung berkata senarai kesemua IPT itu dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran China kepada KPT dan diiktiraf melalui perjanjian rangka kerja bagi memudahkan pengiktirafan untuk kelayakan pendidikan tinggi akademik yang dimeterai antara kerajaan Malaysia dan republik berkenaan pada 28 April 2011.

"Senarai 820 buah universiti ini akan dimuatnaik di laman web Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 1 Julai ini," katanya menjawab soalan Liang Teck Meng (BN-Simpang Renggam) di Parlimen di sini.

Liang ingin tahu sebab KPT mengiktiraf ijazah dari China dan tidak mempertimbang pengiktirafan ijazah universiti Taiwan.

Hou berkata perjanjian pengiktirafan bersama antara Malaysia dan China adalah bertaraf antara kerajaan dengan kerajaan (G2G), justeru lebih banyak universiti dari republik itu dapat diiktiraf.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676493>